



## PEMBERITAHUAN

(Ruj: PKP3 / MPKangar / 2021 / 04)

### PERMOHONAN PERMIT KHAS SEMENTARA BAGI PENJAJA TIDAK BERLESEN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) FASA 1 DARI 01 JUN 2021 HINGGA 14 JUN 2021

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Siaran Media bertarikh 02 Jun 2021 telah memutuskan bahawa penjaja-penjaja kecil dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang mempunyai permit penjaja (sama ada kekal atau sementara) tidak perlu mendapatkan kelulusan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri melalui Sistem CIMS; sebaliknya memadai hanya dengan menunjukkan permit penjaja yang dikeluarkan oleh PBT.

Sehubungan dengan itu, bagi membantu penjaja-penjaja sedia ada yang belum mempunyai permit penjaja untuk beroperasi dalam tempoh PKP Fasa 1 tanpa dikenakan tindakan oleh agensi-agensi penguatkuasaan, pihak Majlis Perbandaran Kangar bersedia untuk menimbang pemberian permit khas sementara bagi tempoh PKP Fasa 1 ini.

Syarat-syarat permohonan adalah seperti berikut :

1. Pemohon adalah warganegara Malaysia dan bermastautin di Negeri Perlis;
2. Lokasi Tapak Perniagaan hendaklah mematuhi syarat Keselamatan, Kebersihan dan Kacau Ganggu (3K); dan
3. Jenis perniagaan adalah termasuk dalam senarai Perkhidmatan Perlu yang ditetapkan dalam Prosedur Operasi Standard (SOP) Majlis Keselamatan Negara (MKN).
4. Terpakai untuk penjaja kecil sahaja dan bukan untuk operasi pasar tani, pasar sehari, pasar malam dan pasar minggu.

Permohonan permit khas sementara ini boleh dikemukakan dengan mengisi borang permohonan melalui saluran berikut:

Link : <https://forms.gle/HzpbNT1tCdfwoNan6>

QR Code :



Keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui **whatsapp / e-mel** pemohon dalam tempoh **24 jam**.

Semua penjaja yang diluluskan permit khas sementara ini hendaklah mematuhi segala SOP yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta syarat-syarat operasi yang ditetapkan oleh Majlis Perbandaran Kangar (MPK).

**Untuk sebarang pertanyaan, bolehlah berhubung dengan Jabatan Kesihatan Persekutuan dan Pelesenan Majlis Perbandaran Kangar di talian 04-976 2188 (jam 8.00 pagi – 5.00 petang).**

Sekian. Terima kasih.

Arahan,

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR**

Tarikh : 03 Jun 2021.